

SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 03/2022

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KESETIAUSAHAAN BAGI TAHUN 2022

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak adalah dipelawa untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan. Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:-

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

1.1 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Pertama:

Pemegang jawatan **Penolong Kerani Sulit** dalam tanggagaji D.3 EB.4-5 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

1.2 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Kedua:

Pemegang jawatan **Kerani Sulit** dalam tanggagaji C.1-2 EB.3 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.

1.3 Peperiksaan Perkhidmatan Kesetiausahaan Ketiga:

Pemegang jawatan **Setiausaha Sulit** dalam tanggagaji-tanggagaji BW.1 dan BW.2 yang dipersyaratkan atau dikehendaki lulus peperiksaan berkenaan.


1.4 Pemohon yang berhasrat menduduki peperiksaan-peperiksaan tersebut di atas hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di dalam Skim Perkhidmatan Kesetiausahaan Negara Brunei Darussalam.

Rujukan : JPA/1.6/7/6 Pt.5

Tarikh : 07 Jamadilakhir 1443 / 10 Januari 2022

Muka surat 1/3

2



2. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 2.1 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan dengan **lengkap dan teratur**. Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di www.jpa.gov.bn ;
- 2.2 Pemohon hendaklah menghadapkan Borang Permohonan masing-masing terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam di :

Unit Perkhidmatan Sumber Manusia
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam

atau e-mel:


exam.hrsu@psd.gov.bn

- 2.3 Borang Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup. Tarikh-tarikh tutup adalah seperti di **Lampiran A** ;
- 2.4 Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN**.

3. HAL – HAL LAIN

- 3.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, Jadual Peperiksaan adalah tertakluk kepada perubahan ;
- 3.2 Nombor Indeks akan dimaklumkan melalui **e-mel** dan laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di www.jpa.gov.bn.

14



4. **KETERANGAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله اعلم بالتوفيق

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Rakyat Bersepadu Menjaga Kesihatan Bersama"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/6 Pt.5

Tarikh : 57 Jamadilakhir 1443 / 10 Januari 2022

Muka surat 3/3